

MEDIA RELEASE

UNTUK SIARAN SEGERA

12 MEI 2020

UEM Edgenta Umum Pelantikan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Baharu

KUALA LUMPUR, 12 Mei – Lembaga Pengarah UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”) dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan Syahrudin Samsudin sebagai Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif (“MD/CEO”) yang baharu berkuat kuasa 1 Julai 2020. Syahrudin akan mengambil alih jawatan tersebut daripada Dato’ Azmir Merican, yang telah meninggalkan UEM Edgenta pada April 2020.

“Kami mengalu-alukan Syahrudin sebagai MD/CEO baharu UEM Edgenta Berhad. Beliau merupakan seorang pemimpin yang berpengalaman luas dan mempunyai visi yang berteraskan kejuruteraan dan teknologi yang akan memberi manfaat kepada Syarikat dari segi perkembangan produk, inovasi, serta fasa pertumbuhan perniagaan seterusnya,” kata Tan Sri Dr. Azmil Khalid, Pengerusi Lembaga Pengarah UEM Edgenta.

Syahrudin telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif syarikat Touch ‘n Go Sdn. Bhd. pada tahun 2015 dan telah menyelia pertumbuhan memberangsangkan syarikat tersebut dalam sektor perkhidmatan kewangan digital. Pengalaman beliau akan memainkan peranan penting dalam memastikan UEM Edgenta meneruskan pertumbuhan mampan serta rancangan strategik jangka panjangnya.

Beliau pernah menyandang jawatan-jawatan kepimpinan lain sebelum bersama Touch ‘n Go, termasuk berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di MTU Services Sdn. Bhd., Presiden di Scomi Engineering Berhad, dan juga telah terlibat dalam penubuhan usaha niaga teknologi seperti SBS Technology Solutions dan ATA Plus. Beliau juga telah memainkan peranan penting dalam penubuhan iPerintis (kini Petronas ICT Sdn. Bhd.) dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi dan Ketua Bahagian Operasi.

Syahrudin memegang ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dan Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan dan Kewangan), kedua-duanya dari The Australian National University. Beliau juga merupakan alumni Program Pengurusan Lanjutan (*Advanced*

Management Programme) dari Harvard Business School, Amerika Syarikat, dan IMD Business School, Switzerland.

-tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Disiarkan oleh **UEM Edgenta Berhad**; Hubungi Hafiz Noor (hafiznoor@edgenta.com / 019 424 8283); atau Juliana Jamaluddin (juliana_jamaluddin@edgenta.com / 012 340 9438)